

SOALAN NO: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 17 OKT 2016

SOALAN :

YB Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah penyelesaian kepada masalah graduan jurusan perubatan yang menunggu begitu lama untuk mendapatkan penempatan pegawai perubatan siswazah sehingga ada yang terpaksa bekerja sebagai doktor sambilan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar bahawa isu graduan jurusan perubatan yang menunggu begitu lama untuk mendapatkan penempatan sebagai Pegawai Perubatan Siswazah berlaku pada masa ini. Isu ini wujud disebabkan oleh peningkatan keluaran graduan perubatan daripada universiti swasta dan universiti luar negara yang meningkat pada setiap tahun berbanding dengan keupayaan Kerajaan menyediakan bilangan penempatan latihan siswazah. Contohnya, keluaran graduan tahun 2010

berbanding tahun 2015, menunjukkan bilangan graduan perubatan meningkat sebanyak 27.3% iaitu daripada 3,252 kepada 4,140.

Langkah penyelesaian secara menyeluruh isu ini sedang dalam tindakan Kerajaan dan ianya di peringkat akhir untuk dimuktamadkan. Selain itu, langkah-langkah susulan yang akan dibuat ialah:

- (i) melanjutkan moratorium bagi bidang perubatan untuk tempoh lima (5) tahun lagi bagi mengawal bilangan graduan perubatan dalam negara;
- (ii) mengkaji untuk menambah bilangan hospital latihan siswazah daripada sejumlah 44 hospital latihan siswazah sedia ada. Pertambahan bilangan hospital ini penting bagi memastikan bilangan Pegawai Perubatan diberi latihan dapat ditambah dan latihan yang diberi memenuhi standard amalan perubatan yang ditetapkan. Pada tahun 2009 terdapat 38 buah hospital latihan siswazah dan telah meningkat kepada 44 buah hospital pada tahun 2016. KKM juga meningkatkan bilangan hospital latihan siswazah termasuklah akan melaksanakan latihan siswazah di rangkaian Hospital Angkatan Tentera Malaysia dan Hospital Shah Alam;
- (iii) pilihan penempatan untuk latihan siswazah dibuat sendiri oleh PPS (Pegawai Perubatan Siswazah) secara atas talian melalui *e-houseman* (dengan izin). Jika graduan memilih untuk ditempatkan ke hospital di luar Lembah Klang atau di pedalaman yang mempunyai banyak kekosongan, maka graduan tidak perlu menunggu lama untuk menjalani latihan siswazah. Sebaliknya jika

graduan tersebut berhasrat untuk bertugas di bandar-bandar yang tiada kekosongan, maka graduan tersebut perlu menunggu lebih lama; dan

- (iv) Pengambilan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) dibuat secara kerap iaitu setiap dua (2) bulan.